



**IKLAN SEWAAN TAPAK NIAGA
BAZAR RAMADAN MEGA MELAKA 2019 / 1440H
JALAN HANG TUAH DAN KLEBANG, MELAKA**

A. BORANG PERMOHONAN & TARIKH TUTUP PERMOHONAN

1. Borang permohonan boleh didapati mulai **20 MAC 2019 SEHINGGA 27 MAC 2019** secara **PERCUMA** di lokasi-lokasi berikut :
 - Kaunter 19, Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Perniagaan, Aras Bawah, MBMB ,
 - Tingkat 5, Pusat Transformasi Bandar (UTC), Jalan Hang Tuah, Melaka ,
 - Muat turun dari laman web MBMB www.mbmb.gov.my
2. Tarikh tutup permohonan pada **27 MAC 2019 (SEHINGGA 12.00 TENGAHARI SAHAJA)**. Sila kemukakan borang permohonan yang telah dilengkapi beserta Bank Deraf mengikut kadar sewa tapak lot ke Kaunter 19, Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Perniagaan, Aras Bawah, MBMB

B. SYARAT KELAYAKAN PEMOHON

1. Warganegara Malaysia bertaraf **BUMIPUTERA** dan beragama **ISLAM**.
2. Keutamaan kepada **penduduk Negeri Melaka**.
3. Mempunyai **Pendaftaran Perniagaan sendiri atau perkongsian**.
4. Berumur **tidak kurang daripada 18 tahun**.
5. Setiap pemohon dibenarkan mengemukakan **satu borang permohonan sahaja**.
6. Pasangan suami / isteri dibenarkan mengemukakan **satu permohonan untuk satu lokasi Bazar Ramadan sahaja**.
7. Borang permohonan yang lengkap sahaja akan dipertimbangkan untuk proses cabutan undi.
8. **Pemohon DIWAJIB menyertakan Bank Deraf atas nama MBMB mengikut harga sewa tapak yang dipohon. Di bahagian belakang Bank Draf tersebut hendaklah ditulis nama, no. kad pengenalan dan no. telefon. Bank Deraf ini akan dikembalikan jika permohonan itu gagal.**
9. Pemilihan peniaga akan dibuat melalui cabutan undi. Keputusan cabutan undi tapak adalah muktamad dan sebarang permohonan pertukaran tapak selepas cabutan undi tidak akan dilayan.
10. Sekiranya **pemohon tidak mendapat sebarang maklumbalas** daripada Majlis dalam **tempoh 2 minggu** dari tarikh pendaftaran permohonan, maka permohonan tuan dianggap **tidak berjaya**. Keputusan Majlis adalah muktamad.
11. Pemohon yang berjaya perlu mematuhi syarat - syarat perjanjian penyewaan tapak Bazar Ramadan Mega Melaka 2019/1440H.

C. **SYARAT BAGI PEMBANTU**

1. Setiap pemohon diwajibkan mendaftarkan **sekurang-kurangnya seorang pembantu.**
2. Pembantu mestilah **warganegara Malaysia sahaja.**
3. Berumur 18 tahun ke atas.

D. **JENIS JUALAN**

Pemohon hanya boleh memilih **Satu (1)** jenis jualan sahaja berupa barangan atau produk bertemakan sambutan Hari Raya seperti senarai di bawah :

- | | |
|--|--|
| i. Kuih raya / Kek / Minuman | v. Tudung / Hiasan wanita / Kosmetik |
| ii. Songkok & Pelbagai Aksesori | vi. Barang Hiasan Rumah |
| iii. Pakaian lelaki dan wanita | vii. Alat mainan kanak-kanak |
| iv. Kasut / Beg tangan / Pelbagai aksesori | viii. Makanan siap masak & minuman
(tidak dibenarkan aktiviti memasak) |

E. **KADAR BAYARAN**

1. Setiap permohonan yang didaftarkan dikenakan bayaran proses sebanyak **RM10.00** secara tunai.
2. Bayaran dan caj lesen yang perlu dijelaskan adalah seperti berikut :-

2.1 BAZAR RAMADAN JALAN HANG TUAH

BIL	PERKARA	HARGA		KAEDAH BAYARAN
		SAIZ KHEMAH (18 kaki x 18 kaki)	SAIZ KHEMAH (10 kaki x 10 kaki)	
1	Sewa Tapak	RM4,000.00	RM2,300.00	Bank Deraf atas nama MBMB
2	Fi Lesen	RM150.00	RM120.00	Tunai
JUMLAH PERLU DIBAYAR		RM4,150.00	RM2,420.00	

2.2 BAZAR RAMADAN KLEBANG

BIL	BAYARAN YANG PERLU DIJELASKAN	HARGA			KAEDAH BAYARAN
		SAIZ KHEMAH (18 kaki x 18 kaki)	SAIZ KHEMAH (9 kaki x 18 kaki)	SAIZ KHEMAH (10 kaki x 10 kaki)	
1	Sewa Tapak	RM4,000.00	RM2,800.00	RM2,300.00	Bank Draf atas nama MBMB
2	Fi Lesen	RM150.00	RM120.00	RM120.00	Tunai
JUMLAH PERLU DIBAYAR		RM4,150.00	RM2,920.00	RM2,420.00	

PERHATIAN

LOT KHEMAH YANG DISEDIAKAN ADALAH ASAS SAHAJA TERMASUK BEKALAN ELEKTRIK. HIASAN LAMPU, 'PLATFORM' DAN PEMIDANG DINDING KHEMAH DISEDIAKAN OLEH PENIAGA SENDIRI.

F. PENDAFTARAN (20 MAC 2019 SEHINGGA 27 MAC 2019)

1. Setiap pemohon dibenarkan mengemukakan satu permohonan sahaja semasa pendaftaran dan perlu hadir sendiri semasa pendaftaran permohonan.
2. Setiap pemohon hendaklah memastikan satu salinan setiap dokumen (kad pengenalan dan Pendaftaran Perniagaan) dibawa semasa hari pendaftaran.
3. Permohonan yang memenuhi syarat dan layak sahaja akan dipanggil untuk undian.
4. Pemohon yang berjaya akan diberikan permit setelah segala fi dijelaskan.
5. Permit Bazar Ramadan akan diberikan kepada peniaga setelah menghadiri program Taklimat Bazar Ramadan dan bayaran - bayaran dijelaskan sepenuhnya.

G. UNDIAN LOT

1. Setiap pemohon yang layak perlu hadir sendiri semasa cabutan undi atau mengemukakan surat akuan wakil yang sah kepada uirusetia sekiranya pemohon tidak dapat hadir kerana sebab-sebab tertentu.
2. Membawa bersama **DOKUMENN ASAL KAD PENGENALAN DAN PENDAFTARAN PERNIAGAAN**
3. Pemohon yang Berjaya melalui undian sahaja yang akan ditawarkan lot perniagaan.

*JADUAL PROSES PEMILIHAN PENIAGA
BAZAR RAMADAN MEGA MELAKA 2019 / 1440H
JALAN HANG TUAH DAN KLEBANG, MELAKA*

PERKARA	BAZAR RAMADAN JALAN HANG TUAH		BAZAR RAMADAN KLEBANG		LOKASI
	TARIKH	MASA	TARIKH	MASA	TEMPAT
Pendaftaran Borang Permohonan	20 Mac 2019 hingga 27 Mac 2019	<ul style="list-style-type: none"> • 8.30 pagi hingga 4.30 petang • 12.00 tengahari pada 27 Mac 2019 	20 Mac 2019 hingga 27 Mac 2019	<ul style="list-style-type: none"> • 8.30 pagi hingga 4.30 petang • 12.00 tengahari pada 27 Mac 2019 	Kaunter 19, Jabatan Pelesenan & Pembangunan Perniagaan , MBMB
Proses Undian, Taklimat	3 April 2019	9.00 pagi hingga selesai	4 April 2019	9.00 pagi hingga selesai	Dewan Taming Sari, MBMB

Sebarang pertanyaan,
sila hubungi urusetia di Jabatan Pelesenan & Pembangunan Perniagaan , MBMB,
MBMB di talian **06-2859796**